



# KUIM

**PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA

Tel : 06-387 8412 Fax 06-387 8073

No. Rujukan : KUIM/PNT/HEPA/UP/001/01(75)

Tarikh : 05 Oktober 2020  
17 Safar 1442H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته / Salam Sejahtera

<b>Perkara</b>	<b>STATUS SEMASA BERKAITAN BALIK KAMPUNG DAN KELUAR OUTING</b>
<b>Kepada</b>	Semua Mahasiswa/wi Kolej Kediaman
<b>Daripada</b>	Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
<b>Salinan Kepada:</b>	Ybhg. Datuk Naib Canselor Unit Keselamatan Semua Penyelia dan Felo

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan merujuk kes semasa Covid 19 di Malaysia pada ketika ini menunjukkan peningkatan kes positif sehingga mencecah kepada 3 angka. **Maka, pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni mengambil inisiatif atas faktor keselamatan dan pencegahan kepada semua pelajar yang masih berada di Kolej Kediaman untuk tidak pulang ke kampung dan keluar outing ke kawasan-kawasan yang berada di Zon Kuning dan Zon Merah (*bacaan semasa*). Semua pelajar perlu kekal di dalam kampus dan elakkan keluar jika tiada urusan yang penting sehingga peperiksaan akhir tamat.**

3. Nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah supaya :

- Elakkan 3S / 3C : iaitu elakkan kawasan yang sesak (Crowded place), elakkan kawasan yang sempit (Confined space) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (Close conversation).
- Amalkan 3W : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (Wash), memakai alat pelitup muka (facemask) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (Wear), dan (Warn) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

4. Jika ada sebarang masalah, pelajar boleh merujuk penyelia blok kediaman masing-masing. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak mahasiswa/i saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.



# KUIM

**PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA

Tel : 06-387 8412 Fax 06-387 8073

---

***“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”  
“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”***

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ. BAHAROM BIN SAID)**